

20 MAY 2003

I

PEMADAM SOKONG SARANAN PM

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Naib Presiden Pemadam Tan Sri Lee Lam Thye hari ini berkata saranan Perdana Menteri agar ibu bapa mendidik anak-anak mereka supaya menganggap dadah sebagai najis adalah tepat.

Katanya, kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu sangat jelas kerana jika ibu bapa mengajar anak-anak mereka bahawa dadah itu kotor dan membawa mudarat, ia boleh membantu mengurangkan masalah penagihan dadah di negara ini.

Lee dalam kenyataannya hari ini berkata Pemadam sejak awal lagi telah berkempen untuk mendidik rakyat terutama golongan muda mengenai bahaya penyalahgunaan dadah.

Dr Mahathir yang juga penaung Pemadam semasa berucap pada majlis makan malam Pemadam semalam, berkata ibu bapa perlu mengajar anak-anak bahawa dadah itu najis dan tidak harus didekati kerana ia boleh membawa maut dan penyakit yang amat dahsyat.

Lee bagaimanapun berkata usaha kerajaan dan juga Pemadam untuk menangani gejala itu tidak akan memadai tanpa mendapat sokongan dan komitmen daripada semua sektor masyarakat.

-- BERNAMA

ZZA KHY MOZ